

Pergolakan dalaman BERSATU, tiba masa PAS teraju PN

• Kerosakan paling pantas terasa ialah kekaburan mesej dan defisit kepercayaan awam terhadap keupayaan PN menawarkan kestabilan. Dalam landskap ini, PAS muncul sebagai pusat graviti yang lebih stabil pada mata pengundi

• BERSATU perlu membentangkan pelan peralihan rasmi, menetapkan batu asas dan tatacaranya seperti konvensyen khas, pemilihan luar biasa untuk menutup ruang tafsiran salah dan mengurangkan politik SD



Penganalisis politik

Oleh Mohd Afifi Abdul Razak
bhrencana@bh.com.my

Pergolakan dalam BERSATU ketika ini berputar pada dua paksi. Pertama, perbalahan pelan peralihan kepemimpinan dikaitkan dengan Aduan Bersumpah (SD) 120 ketua bahagian. Kedua, pertikaian reputasi susulan dakwaan terhadap Setiausaha Agung, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan mengesahkan wujud usaha mengumpul SD daripada ketua bahagian, tetapi menegaskan ia bukan gerakan menjatuhkan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Sebaliknya, tandatangan 120 ketua bahagian, lebih separuh daripada 202 bahagian adalah sokongan kepada pelan peralihan dipersetujui lebih awal, sambil mengekalkan Muhyiddin sebagai 'wajah utama' parti.

Pertikaian ini memuncak sekitar Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) pada 9 September lalu apabila pendedahan pengumpulan tandatangan mencetuskan kekecohan. Namun, PAT akhirnya meluluskan usul menamakan Muhyiddin sebagai calon Perdana Menteri daripada BERSATU.

Bagaimanapun, hakikat bahawa lebih separuh ketua bahagian menyokong pelan peralihan menjadikan isu ini tidak boleh dikecilkan kepada salah faham semata-mata. Ia menuntut tempoh dan kaedah transisi formal untuk menutup ruang tafsiran liar merosakkan kepercayaan parti.

Api konflik kemudian merebak apabila Wan Saiful mengumumkan akan mengemukakan laporan disiplin terhadap Mohamed Azmin dan Ketua Penerangan, Datuk Tun Faisal Ismail Aziz, di samping menegaskan kembali SD berkenaan bukan desakan pengunduran Muhyiddin.

Pada masa sama, beliau mempersoalkan kelayakan Mohamed Azmin untuk terus memimpin selagi kontroversi video yang tular pada 2019 tidak diselesaikan, merujuk maklumat baharu yang menurutnya mengesahkan aspek forensik video 'panas' berkenaan.

Menghidupkan kembali polemik ini mengalihkan krisis daripada perbincangan utama mengenai transisi kepada isu kelayakan moral, lantas menyempitkan ruang kompromi dan menuntut tindak balas daripada kelompok mempertahankan Mohamed Azmin.

Dari sudut komunikasi politik, langkah ini memperluas pertikaian dan meningkatkan kos penyelesaian dalaman kerana ia menyentuh reputasi peribadi, bukan lagi semata-mata reka bentuk transisi.

Tindak balas dalaman hadir dalam bentuk desakan terbuka daripada pengerusi negeri, ketua bahagian dan pemimpin lain supaya tindakan keras, termasuk pemecatan diambil terhadap Wan Saiful

dan beberapa ketua bahagian dikaitkan dengan pengumpulan SD.

Seramai 10 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor daripada BERSATU, menggesa pemecatan segera terhadap Wan Saiful serta tiga lagi pemimpin, sambil menuduh mereka memutar belit fakta berkaitan SD dan menjejaskan maruah parti.

Pada masa sama, suara daripada sayap bersekutu menekankan bahawa kelembutan Presiden bukan kelemahan dan mereka yang menggoncang parti dari dalam mesti disingkirkan.

Lembaga Disiplin pula mengumumkan akan memproses semua aduan secara telus dan adil, namun memberi amaran bahawa pelanggaran disiplin dan perbuatan merosakkan imej parti boleh membawa kepada pemecatan serta-merta.

Jika tindakan keras ini dilaksanakan terhadap pemimpin dikaitkan dengan rangkaian tandatangan dalam kalangan lebih 100 bahagian, risiko berlakunya keretakan struktur, daripada perpindahan kesetiaan jentera akar umbi sehingga kehilangan ahli Parlimen dan ADUN menjadi nyata, sekali gus mengganggu kedudukan blok PN.

PAS tingkat sokongan, kepercayaan pengundi

Kerosakan paling pantas terasa ialah kekaburan mesej dan defisit kepercayaan awam terhadap keupayaan PN menawarkan kestabilan. Dalam landskap ini, PAS muncul sebagai pusat graviti yang lebih stabil pada mata pengundi.

Strategi paling munasabah untuk memutuskan rantaian krisis ialah menempatkan PAS sebagai pemimpin sementara (caretaker) dengan mandat me-

nyelaraskan hal ehwal kerjasama, terutama komunikasi, penyelarasan dasar bersama dan kesiapsiagaan pilihan raya, sementara BERSATU menyelesaikan pergolakan dalaman melalui saluran perlembagaan parti.

Dengan PAS memimpin PN secara sementara, gabungan ini dapat memulihkan persepsi kestabilan dan fokus semula kepada isu rakyat, manakala BERSATU memperoleh ruang bernafas untuk menamatkan sengketa transisi dan meredakan pertikaian reputasi melalui proses disiplin teratur.

Proses ini tidak menyentuh isu calon Perdana Menteri, sebaliknya ia wajar ditangguhkan sehingga lebih hampir dengan Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) bagi mengelakkan timbul pertikaian baharu. Pendekatan ini konsisten dengan citra PAS yang tidak gelojoh, tidak menekan rakan dan cenderung berhati-hati dalam krisis, sekali gus membantu PN mengekalkan sokongan politiknya dalam kalangan pengundi atas pagar yang mengutamakan kestabilan.

Bagi menterjemah strategi itu ke dalam bentuk operasi, PN perlu segera bermesyuarat dan mengesahkan sebuah Resolusi Kestabilan yang mengangkat PAS sebagai pengerusi interim dengan tempoh bertarikh dan skop kuasa jelas.

Gabungan ini perlu menguatkuasakan moratorium 60 hari ke atas serangan peribadi di ruang awam dan menyalurkan semua perbezaan kepada mekanisme dalaman. Pada masa sama, PN perlu mengumumkan empat mesej ringkas, iaitu fokus isu rakyat, pelan transisi BERSATU berjalan melalui proses, tiada pengumuman calon Perdana Menteri pada masa ini dan mengukuhkan kerjasama PN menjelang PRU16.

BERSATU perlu membentangkan pelan peralihan rasmi, menetapkan batu asas dan tatacaranya seperti konvensyen khas, pemilihan luar biasa untuk menutup ruang tafsiran salah dan mengurangkan politik SD.

Lembaga Disiplin BERSATU pula hendaklah meneruskan prosiding berlandaskan proses adil iaitu hak menjawab, piawaian bukti dan ruang rayuan, manakala keputusan ekstrem seperti pemecatan beramai-ramai hanya dipertimbangkan jika terbukti penting dan selepas menilai risiko domino terhadap jentera.

Jika pun tindakan tegas perlu diambil, PN harus menyediakan pelan susulan bagi pengurusan kerusi dan whip supaya kekuatan blok undi tidak terjejas. Dengan rangka tindakan sedemikian, naratif 'PN pilihan kestabilan' dapat dipulihkan, sementara BERSATU diberi ruang merapikan rumah sendiri tanpa menyeret keseluruhan ahli gabungan ke dalam pusaran krisis berpanjangan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Sidang
Redaksi

Pengarang Kumpulan
ZULKIFLI JALIL
zuljalil@bh.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif (Kandungan & Digital)
ZAINUDIN MOHD ISA
zainud@bh.com.my

Pengarang Eksekutif (Pengeluaran)
NAZARUDIN ABU BAKAR
nazarudin@bh.com.my